

KECERDASAN SOSIAL DAN EMOSI GURU CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM DALAM MENINGKATKAN PRESTASI PELAJAR

(Emotional Intelligence and Social Intelligence among Excellent Teachers of Islamic Education
in Enhancing Student's Performance)

*Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Lukman Abdul Mutalib, Anwar Ahmad, Shamsul Shah Trajo,
Nor Ellina Abdul Razak*

ABSTRAK

Tujuan utama artikel ini disediakan untuk meneroka kecerdasan emosi dan kecerdasan sosial guru cemerlang pendidikan Islam dalam meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar. Metodologi kualitatif telah dipilih sebagai pendekatan kajian. Temu bual mendalam telah dikendalikan dengan 12 guru cemerlang yang mengajar pendidikan Islam. Kajian ini telah dijalankan di kawasan bandar dan luar bandar, Melaka, Negeri Sembilan dan Perak. Penemuan hasil kajian mendapati bahawa guru cemerlang pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah para pelajar. Cabaran utama guru pendidikan Islam ialah motivasi pelajar melalui sentuhan rohani dan emosi. Kreativiti guru dan keperibadian guru cemerlang memainkan peranan besar dalam meningkatkan kecemerlangan prestasi akademik pelajar. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa prestasi akademik dan sahsiah pelajar dapat ditingkatkan melalui pendidikan Islam. Guru pendidikan Islam perlu menekankan kemahiran kecerdasan emosi dan sosial supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan lebih berkesan, lancar dan dapat menarik minat pelajar serta meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar.

Kata kunci: *Kecerdasan emosi, kecerdasan sosial, guru cemerlang pendidikan Islam, prestasi pelajar*

ABSTRACT

The main purpose of this article is to explore the emotional intelligence and social intelligence among excellent teachers of Islamic education in improving student's academic performance and personality. Qualitative methodology has been chosen as the study approach. In-depth interview was conducted with 15 excellent teachers from Islamic education background. This study was undertaken in urban and rural areas of Malacca, Negeri Sembilan and Perak. Results showed that excellent teachers played important role in improving academic performance and the personality of their students. Among the major challenges faced by Islamic education teachers were motivating student through spiritual and emotion touch. Their creativity and personality played an important part in improving student's academic performance. Implication of this research shows that student's academic performance and personality can be improved through Islamic education. Islamic education teacher must emphasise emotional and social intelligence skill so that teaching and learning process become more effective, fluent and able to attract students' interest and also enhance their academic performance and personality.

Keywords: *emotional intelligence, social intelligence, Islamic education, excellent teacher, student performance*

PENGENALAN

Pengajaran bermakna mengajarkan ilmu pengetahuan, teknologi dan ketrampilan meningkatkan kecerdasan dan pengendalian emosinya sehingga seseorang mampu berjuang di dalam kehidupan pelajar. Manakala pembelajaran ditakrifkan sebagai sebarang perubahan tingkah laku yang agak kekal akibat pengalaman yang diperolehi oleh seseorang atau akibat latihan yang dijalankannya (Morgan & King, 1975). Oleh itu, pembelajaran dan pengajaran memainkan peranan yang penting dan guru-guru perlu memastikan pelajar-pelajar bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi dari segi sahsiah dalam membentuk pembangunan modal insan. Pembelajaran dan pengajaran yang bersesuaian mengikut kemampuan pelajar untuk memahami isi kandungan yang disampaikan oleh guru-guru. Kreativiti dan inovasi dalam pembelajaran dan pengajaran juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan pemikiran dan tidak bosan dalam kelas serta merangsang pemikiran pelajar lebih cemerlang.

Proses pembinaan modal insan adalah satu proses yang berterusan bermula daripada alam persekolahan sama ada sekolah rendah, sekolah menengah dan di universiti. Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pembangunan modal insan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Selain daripada kepakaran dalam ilmu pengetahuan dan kemahiran asas dalam mata pelajaran tertentu, guru juga perlu mempunyai kecerdasan emosi dan sosial yang kukuh bagi melaksanakan tugas mereka dengan berkesan. Kajian mengenai dimensi kecerdasan emosi dan sosial dijalankan dengan mengukur konsep-konsep yang berkaitan dengan kecerdasan emosi dan sosial seperti kebolehan bersosial, kecemerlangan perhubungan interpersonal, kematangan psikologi dan kesedaran emosi (Glomen, Slover & Mayer, 2000; Yunus 2005). Kajian-kajian ini mendapati penekanan unsur-unsur yang ada perkaitan dengan kecerdasan emosi yang menjadikan pelajar lebih stabil dalam perhubungan dan interaksi sosial berbanding dengan pelajar yang tidak didedahkan dengan konsep kecerdasan emosi dan sosial (Gardner, 1983; Azhar, 2004). Manakala Boyatzis dan Oosten (2003), dalam kajian mereka berhubung dengan peranan kecerdasan emosi dan sosial dalam kepimpinan mendapati pemimpin yang berkesan menggunakan banyak kecekapan emosi dalam melaksanakan tugas kepimpinan berbanding kemahiran yang lain. Oleh itu, penerapan tentang kecergasan emosi dan sosial terhadap guru dan pelajar amat penting dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar melalui prestasi akademik dan sahsiah.

Kecerdasan emosi boleh didefinisikan sebagai kebolehan untuk memantau emosi, menilai dan menjana emosi dalam membantu proses pemikiran dan membuat keputusan bagi memperkembangkan kemahiran intelektual dan emosi (Salovey & Mayer, 1990). Manakala Goleman (1995) mentakrifkan kecerdasan emosi sebagai keupayaan untuk mengiktiraf perasaan sendiri dan perkara lain-lain bagi mendorong diri kita sendiri dan menjayakan pengurusan emosi diri. Kecerdasan emosi merangkumi beberapa aspek iaitu pengendalian diri, semangat dan ketekunan serta kemampuan memotivasikan diri sendiri dan bertahan menghadapi kegagalan. Di samping itu, kesanggupan mengendalikan dorongan hati dan emosi, tidak melebihi-lebihkan kesenangan, mengatur suasana hati dan menjaga supaya beban tekanan tidak melumpuhkan kemampuan berfikir sendiri (Azhar, 2004).

Kecerdasan sosial berkait rapat dengan perkataan “sosialisasi”. Ambron (1981) mendefinisikan sosialisasi sebagai proses belajar yang membimbing seseorang ke arah perkembangan keperibadian sosial sehingga dapat menjadi anggota masyarakat yang

bertanggungjawab dan efektif. Stephen Jay Gould dari Monash University, dalam kajiannya bertajuk 'On Intelligence' (1994) menjelaskan bahawa kecerdasan sosial merupakan suatu kemampuan untuk memahami dan mengadakan hubungan sesama manusia. Pendapat ini disokong oleh Golmen (2005) di mana kecerdasan sosial menggambarkan secara eksklusif keupayaan manusia untuk menggunakan otak secara berkesan bagi mengemudikan perhubungan sosial kompleks dan persekitaran manusia itu sendiri. Beliau juga menyatakan bahawa komponen penting membangunkan kecerdasan sosial adalah komunikasi dan pendidikan. Manakala pakar psikologi pendidikan Gardner (1983) mendapati kompetensi sosial itu sebagai kecerdasan sosial. Kecerdasan sosial merangkumi lapan kecerdasan generik iaitu, linguistik, logikal-matematik, ruang, muzik, tubuh kinestetik, interpersonal (sosial), intrapersonal (kendiri) dan naturalis. Gardner juga berpendapat bahawa ke lapan-lapan kecerdasan tersebut perlu ada dalam diri seorang individu terutama dalam kalangan pendidik.

Antara persoalan yang ingin diketengahkan dalam artikel ini adalah: adakah guru-guru telah didedahkan dan dilatih secukupnya dalam aspek kecerdasan emosi dan sosial, selain daripada pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu mata pelajaran tertentu bagi menggalas tugas dan tanggungjawab untuk meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah dalam kalangan pelajar? Sejauh manakah guru cemerlang pendidikan Islam melihat kecerdasan emosi dan sosial penting dalam melaksanakan tugas mereka, selain daripada ketrampilan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar?.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama artikel ini adalah untuk meneroka kecerdasan emosi dan kecerdasan sosial guru cemerlang pendidikan Islam dalam meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan temubual mendalam (*in-depth interview*) sebagai kaedah mengumpul data daripada guru-guru cemerlang pendidikan Islam. Kajian ini telah dijalankan di tiga negeri, iaitu, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka. Pemilihan lokasi kajian di setiap negeri terbahagi kepada dua kawasan; di bandar dan luar bandar. Misalnya di Perak, kajian telah dijalankan di sebuah sekolah bandar (Ipoh) dan sekolah luar bandar (Teluk Intan). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan persampelan bertujuan digunakan untuk pemilihan sampel kajian. Populasi kajian ini terdiri daripada guru cemerlang pendidikan Islam di sekolah menengah di negeri-negeri terpilih. Pengenalpastian responden telah dibuat dengan bantuan dan kerjasama Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia. Protokol kajian telah dibina mengikut beberapa persoalan yang sesuai dengan kajian, misalnya bolehkah kecerdasan emosi dan sosial diajar kepada guru dan pelajar sekolah menengah (*transfer knowledge*), dan bagaimana guru cemerlang pendidikan Islam menggunakan kecerdasan emosi dan sosial dalam mengawal masalah disiplin dalam kalangan pelajar bagi mencapai modal insan berkualiti. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menemubual secara mendalam responden yang dipilih. Seramai 12 orang guru cemerlang pendidikan Islam telah ditemu bual. Temu bual telah dijalankan di pejabat dan bilik mesyuarat sekolah masing-masing. Semua responden telah diminta mengisi borang ringkas profil demografi mereka yang merangkumi umur, jantina, taraf pendidikan, perkahwinan dan tempat tinggal. Temu bual mendalam telah direkodkan menggunakan perakam suara digital dan setiap perbincangan berlangsung kira-kira 2 jam 30 minit. Penggunaan masa amat berharga dan pengkaji telah menggunakannya dengan bijaksana

untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat dalam tempoh tersebut. Temu bual yang telah direkodkan, dilaporkan secara verbatim, disusun dan ditafsir sebaik sahaja selepas kajian dilakukan. Tema-tema utama yang muncul daripada persoalan kajian telah diangkat untuk menganalisis data, di mana tahap berikutnya adalah untuk mencari sub tema bagi menghubungkan dapatan kajian. Penyusunan data dalam bentuk tema dan kategori bagi membina makna untuk sesuatu fenomena yang dikaji. Refleksi penafsiran data adalah untuk mencari perbezaan dan persamaan daripada tema utama kajian untuk dijadikan laporan kajian. Melalui proses ini, persetujuan bersama antara pengkaji-pengkaji dicapai dalam melaporkan dan mendekripsikan dapatan kajian. Kertas kerja ini juga telah diadunkan dengan sorotan kajian lepas mengikut tema dan sub tema utama dapatan kajian dan perbincangan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Guru yang mendapat anugerah guru cemerlang mempunyai ciri-ciri kepribadian dan sahsiah yang cemerlang dan menjadi rol model kepada pelajar dan guru-guru yang lain; berpengetahuan luas dalam bidang kemahiran, sentiasa berupaya meningkatkan kualiti hasil pembelajaran, kemahiran komunikasi yang baik di mana guru cemerlang mampu menyampaikan mesej dengan tepat dan jitu dan sentiasa meningkatkan potensi diri melalui penyelidikan dan penulisan ilmiah bagi meningkatkan mutu pendidikan negara. GC1, Melaka mendapati bahawa guru cemerlang adalah seseorang yang serba boleh dan boleh membawa diri di mana semua orang boleh terima. Misalnya dalam kelas menjadi sanjungan pelajar; sentiasa bersedia membantu rakan setugas, di sekolah menjadi pentadbir dan bersama masyarakat menjadi tempat rujukan. Beliau menegaskan bahawa guru cemerlang sentiasa bermotivasi dan memberi semangat serta contoh teladan kepada rakan-rakan setugas yang lain.

Jadual 1: Profil Guru Cemerlang

Jawatan Guru/ Anugerah GC	Umur	Jantina	Gred Jawatan	Pengalaman (Tahun)	Bidang Pengkhususan
Perak					
Guru Cemerlang 1/ 2008	39	P	DG 44	12	Bahasa dan kesusasteraan Arab
Guru Cemerlang 2/ 2009	43	P	DG 44	13	Bahasa Arab
Guru Cemerlang 3/ 2009	50	L	DG 48	20	Pendidikan Islam
Guru Cemerlang 4/ 2008	37	P	DG 44	10	Bahasa Arab
Melaka					
Guru Cemerlang 5/ 2008	42	P	DG 44	21	Pendidikan Islam
Guru Cemerlang 6/ 2008	37	L	DG 44	11	Bahasa Arab
Guru Cemerlang	49	P	DG 44	25	Pendidikan Islam

7/ 2003					
Guru Cemerlang 8/ 2010	46	L	DG 44	20	Syariah Wal Qanun
Negeri Sembilan					
Guru Cemerlang 9/ 2009	47	P	DG 44	20	Pendidikan Islam
Guru Cemerlang 10/ 1996	53	P	DG 54	29	Pendidikan Islam
Guru Cemerlang 11/ 2008	38	P	DG 44	14	Pendidikan Islam
Guru Cemerlang 12/ 2009	37	P	DG 44	12	Pendidikan Islam

Hampir kesemua guru cemerlang berada dalam julat umur antara 37 hingga 53 tahun. Daripada 12 guru cemerlang yang ditemubual hanya 3 guru cemerlang adalah lelaki. Sepuluh (10) orang guru cemerlang berada dalam gred DG 44 dan hanya dua guru mempunyai gred jawatan 48 dan 54. Perbezaan gred jawatan ini adalah tahun pengalaman, iaitu, antara 25 hingga 29 tahun dalam bidang perguruan. Majoriti guru mempunyai pengalaman dalam bidang perguruan antara 10 hingga 20 tahun. Maka jumlah tahun pengalaman ini cukup bagi memantapkan seseorang guru untuk menjadi seorang guru cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Semua guru cemerlang ini juga mempunyai latar belakang bidang pendidikan yang hampir sama iaitu bidang pendidikan Islam dan bahasa Arab. Hanya seorang guru cemerlang yang mempunyai bidang undang-undang atau syariah. Kesemua guru cemerlang ini telah menamatkan pendidikan sarjana muda di universiti tempatan.

Kemahiran sosial dan Emosi dalam kalangan Guru Pendidikan Islam bagi Meningkatkan Prestasi Pelajar

Guru pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam memahami latar belakang emosi dan prestasi akademik terutama dalam kalangan pelajar yang bermasalah disiplin. Antara masalah disiplin yang sering diutarakan guru cemerlang ini adalah tidur dalam kelas, ponteng sekolah, masalah keluarga, masalah cinta, berdua-duaan di tempat sunyi dan kurang berminat dalam akademik. Majoriti guru cemerlang mendapati bahawa ibu bapa yang berpendidikan rendah dan tidak mempunyai kesedaran akan kepentingan pendidikan kepada anak-anak, sukar untuk membimbing kecerdasan emosi dan sosial mereka dalam membentuk modal insan yang cemerlang (Khadijah et al., 2011). Oleh yang demikian guru pendidikan Islam perlu memainkan peranan dalam memberi nasihat, galakan yang berterusan bagi membentuk pelajar yang lebih berdisiplin. Sentuhan rohani dan jasmani sering digunakan oleh guru cemerlang yang telah ditemu bual. Mereka menyatakan seperti berikut:

... dari segi pendekatan ni saya lebih touching kepada pelajar-pelajar ni. Banyak memujuk dan memeluk pelajar ni supaya mereka tak give up. Sebab kadang-kadang para pelajar ni mereka rasa macam tersisih daripada pelajar kelas pertama, kedua dan sebagainya.”

GC 3, Melaka

Cuma nak baiki kaedah supaya budak ini kita dapat dengar isi hati mereka, bukan syok sendiri.

GC 4, Perak

Kelebihan pengalaman. Saya mengajar sekolah rendah, penuh dengan kasih sayang dan belaian. Penuh dengan segala-galanya. Macam mana masalah pun belaian.”

GC 1, Melaka

Bagi guru cemerlang pendidikan Islam amat penting menggunakan pelbagai kreativiti dalam membentuk sahsiah pelajar yang cemerlang. Antara senjata utama yang digunakan oleh guru cemerlang pendidikan Islam dalam menangani pelajar bermasalah melalui kasih sayang dan belaian. Guru cemerlang juga hendaklah mempunyai kecerdasan emosi dan sosial yang kukuh bagi melaksanakan tugas mereka dengan berkesan. Kajian mengenai dimensi kecerdasan emosi dan sosial dijalankan dengan mengukur konsep-konsep yang berkaitan dengan kecerdasan emosi dan sosial seperti kebolehan bersosial, kecemerlangan perhubungan interpersonal, kematangan psikologi dan kesedaran emosi (Glomen, Slover & Mayer, 2000; & Yunus 2005). Antara kreativiti yang digunakan oleh guru untuk meningkatkan minat pelajar dalam menghafaz Al-Quran adalah seperti berikut:

Saya jumpa satu kaedah, saya namakan kaedah rentakritma (rhythm) dalam menghafaz Al-Quran. Jadi saya gunakan benda tu, saya cuba, saya cuba budak sangat seronok. Nampak cepat dia menghafal. Bila sekolah baru pun, sekolah lama dia sudah biasa dengan kaedah tu, bila saya pergi ke sekolah baru saya nak tengok macam mana, bila saya buat pun dengan cikgu-cikgu tertarik dan pelajar pun tertarik.

GC 2, Perak

Kaedah rentak-ritma (belajar mengaji secara berirama) ini membolehkan pelajar belajar dalam persekitaran yang kondusif, kurang tekanan dan secara tidak langsung menimbulkan rasa minat untuk belajar Al-Quran serta menghafaz dengan lebih berkesan. Seorang lagi guru cemerlang telah mengorak langkah untuk membina kaedah BFFT (Baca, Fikir, Faham, Tulis) yang diperkenalkan oleh beliau 3 tahun yang lalu bagi meningkatkan kefahaman pelajar Islam dalam menjawab soalan PMR dan SPM dengan lebih cemerlang. Beliau juga dalam perancangan membina penyelidikan dan pembangunan celik sholat yang melihat pendidikan holistik ke arah pematapan transformasi pendidikan. Holistik bermakna bagaimanakah guru memainkan peranan secara menyeluruh bagi membantu meningkatkan pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah. Guru cemerlang pendidikan Islam juga merupakan model dalam pembentukan akhlak pelajar di mana terdapat beberapa orang guru cemerlang menyatakan seperti berikut:

Saya nampak keberkesanan akhlak itu juga dipengaruhi oleh guru. Jadi guru jangan letakkan diri dia, masuk kelas, P&P dan habis, dah. Tapi kelas yang mereka tak ajar mereka tidak buat. Itu sebab saya nampak salah satu sebab pendidikan sahsiah mantap ialah bagaimana kemenjadian guru itu diperlihatkan.

GC 1, Melaka

Dari aspek diri saya sendiri, boleh jadi contoh kepada guru-guru lain dari aspek penampilan diri, dari aspek akhlak mungkin.

GC 3, Melaka

Bagi saya kualiti dari kita sendiri. Strategi dia datang daripada kualiti hidup kita sebenarnya. Tabiat kita tu yang penting. Sama ada kita ini jenis suka kerja ke on time ke atau sebelum orang minta kita sudah siapkan.

GC 3, Negeri Sembilan

Pernyataan guru cemerlang pendidikan Islam menggunakan al-Quran sebagai perisai untuk pemantapan akhlak pelajar, jati diri pelajar, penampilan diri dan sanggup menjalankan tugas menjangkau kurikulum pengajaran dan pembelajaran. Responden juga mendapati bahawa penurunan kes gejala sosial bermakna panitia telah berjaya mendidik sahsiah pelajar. Bagi beliau prestasi akademik perlu meningkat selari dengan pemantapan sahsiah pelajar. Manakala guru juga perlu ada kualiti dan kepribadian tersendiri dalam membentuk sahsiah pelajar misalnya seorang guru perlu menepati masa atau boleh menyiapkan kerja sebelum tempoh masa yang ditetapkan dan sebagainya.

Program pemantapan sahsiah dalam kalangan pelajar yang berisiko tinggi terdiri daripada pelajar perempuan yang bermasalah “miang” dan pelajar lelaki yang terlibat dalam merokok, merempit, hidu gam dan sebagainya. Salah satu program yang dianjurkan oleh guru cemerlang pendidikan Islam adalah seperti berikut:

Program ‘Kerana dirimu begitu berharga’ lebih kepada pembentukan sahsiah. Target kita masa tu 50 pelajar sesi pagi dan 50 pelajar sesi petang. Sasaran kami pelajar yang hard core, hujung-hujung. Lebih kurang 60 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan... sebab program ni kombinasi dengan kaunseling MAIS... kita buat 3 hari... Tujuannya kita nak bagitahu pelajar supaya menghargai diri mereka. Yang terpilih pun jenis yang hardcore, kalau yang perempuan jenis yang gedik-gedik, yang lelakinya dengan masalah rokok, rempit, hidu gam jadi nak mereka ini menghargai diri mereka. Rasa tanggungjawab diri mereka terhadap sekolah, agama, keluarga.

GC 4, Negeri Sembilan

Sebaliknya responden yang lain juga berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kerenah pelajar yang tidak celik huruf jawi. Masalah tidak celik huruf jawi juga berpunca daripada rumah di mana ibu bapa tidak prihatin dalam soal pendidikan agama atau akademik. Latar belakang pekerjaan ibu bapa juga mempengaruhi tingkah laku pelajar di sekolah. Misalnya pelajar diminta oleh ibu bapa membantu dalam kerja-kerja harian mereka yang boleh membawa kepada pendapatan yang lumayan. Antara masalah yang dikenal pasti daripada persekitaran rumah yang sedemikian adalah tidak menyiapkan kerja sekolah, tidur dalam kelas, tidak dapat memberi tumpuan yang penuh dalam kelas dan sebagainya kerana pelajar terlalu keletihan. Permasalahan sering tidak menyiapkan kerja sekolah dapat dikenal pasti oleh guru pendidikan Islam melalui menulis surat kepada guru. Dengan kaedah ini guru dapat mengenal pasti masalah dan bertindak mengikut kepadanan permasalahan pelajar tersebut. Guru menyatakan seperti berikut:

...mereka luahkan apa masalah mereka melalui surat. Surat tu kepada saya... pelajar menjelaskan kenapa kerja sekolahnya tak dapat siap. Jadi kita akan tahu apa masalah pelajar ini. Kadang-kadang pelajar suka subjek agama sebab tak ada tekanan, berkaitan dengan kehidupan seharian... yang kita ajar tu adab, solat, mereka berminat nak dengar cuma nak ditulis tu yang menjadi masalah. Tetapi di rumah tu tak tahu la pula, mungkin berlaku, mak ayah tak sembahyang. Kalau setakat yang saya ajar memang ada pelajar yang tak boleh mengaji. Itu pun saya nak buat program celik Al Quran. Nak buat mereka dapat juga mengaji. Mungkin salah satu modal insan itu tadi maknanya dia boleh membaca, kalau akademik dia tak boleh bawa pun saya harap dia boleh kenal sebab sekarang ini saya test pelajar ada yang tak kenal Alif Ba Ta.

GC 2, Perak

Penilaian perubahan sahsiah pelajar boleh dicapai dengan pengakuan pelajar kepada guru mengenai kesedaran mereka terhadap sesuatu tingkah laku yang telah mereka lakukan. Bagi seorang guru pernyataan berikut adalah satu pencapaian kejayaan program:

Selepas program tazkirah jumaat tu, di awal-awal program tu ada pelajar nakal yang lembut hati, saya tak sangka juga, terjumpa saya cakap terima kasih ustazah sebab beri kesedaran, tersentuh hati saya, itu saya ingat sampai sekarang. Walaupun kita ingat kita tak ada cakap apa-apa, biasa saja yang kita cakap tapi bagi mereka itu yang luar biasa. Mereka jarang dengar benda tu. Tersentuh hati mereka. Harap-harap benda tu diteruskan walaupun tanpa saya. Saya dah mulakan program tu harap ada yang meneruskan.

GC 4, Perak

Kaedah menangani masalah pelajar yang digunakan oleh guru cemerlang pendidikan Islam ini juga telah membuktikan beliau telah menggunakan kecerdasan emosi dan sosial dalam menangani masalah pelajar dan ibu bapa mereka. Guru cemerlang pendidikan Islam merupakan wadah utama dalam menyisipkan kecerdasan emosi dan kecerdasan sosial dalam kalangan pelajar. Boyatzis (2008) mendapati bahawa kecekapan emosi dan sosial boleh diajar dalam kalangan pelajar. Singh (2003) menyatakan bahawa guru-guru juga perlu ada kecerdasan emosi dan sosial untuk menjadi guru yang cemerlang. Kita memerlukan guru-guru yang mempunyai kecerdasan emosi dan sosial yang tinggi untuk mengaktifkan proses pengajaran dan pembelajaran, di mana mereka boleh menyemai sahsiah positif dalam kalangan pelajar. Generasi sekarang memerlukan guru yang dilengkapi dengan pelbagai kecekapan emosi dan sosial untuk membantu menyelesaikan masalah disiplin pelajar yang kompleks dan rumit. Antara nasihat guru cemerlang pendidikan Islam kepada guru-guru lain adalah seperti berikut:

Berbalik kepada diri kita sendiri, macam... triggering, mula-mula saya ingat amanah seorang guru, kalau guru mengajar saja, kita ingat kita sebagai murabbi, pembimbing, pendidik, ustazah lagi besar tanggungjawabnya.”

GC 2, Perak

Untuk guru cemerlang yang akan datang ini, pertama jangan berkira kerja, apa yang kita buat, apa yang sepatut kita buat kita buat. Kerja jangan berkira duit

jangan berkira terutama dengan pelajar. Biasanya duit ini untuk pelajarlah, sebab kita buat program kebanyakan budak-budak terutama saya punya sekolah luar bandar.”

GC 3, Negeri Sembilan

“Saya yang pertama kena ikhlaslah dengan Tuhan maknanya apa sahaja yang kita buat tu jangan minta balasan. Mesti ada balasan, kita tahu. kedua jangan berkira, kalau sekolah suruh buat ini, buat, jangan tanya kenapa orang lain tak kena kerja saya pula kena kerja Yang ketiga sartik. Jangan asyik benda yang sama je kita buat. Tak moh. Buat perkembangan, buat lain buat lagi buat, walaupun bukan untuk guru pun untuk budak. Maknanya apa benda yang kita rasa yang boleh membawa diri kita lebih daripada kita buat..”

GC 2, Negeri Sembilan

“Yang pertama dari segi rutin tanggungjawab, amanah yang diberi. Setiap orang ada bidang masing-masing, setiap awal tahun diberi itu ini, memang kena buat cantik. Kalau boleh kita sendiri jangan tunggu deadline, kita kena ke depan dulu, buat kerja-kerja ekstra.”

GC 4, Negeri Sembilan

Beberapa guru cemerlang pendidikan Islam memberi nasihat untuk guru-guru lain supaya pegang kepada amanah dan mengingatkan bahawa guru sebagai “murabbi” iaitu pembimbing dan penasihat serta mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam membangunkan manusia yang berkemahiran tinggi dan melatih modal insan yang lebih cemerlang untuk masa akan datang. Responden juga menyatakan bahawa dalam menjalankan tugas sebagai guru tidak boleh mengira secara material gunatenaga. Tugas utama adalah mendahulukan pencapaian pelajar daripada aspek prestasi akademik dan sahsiah mereka. Manakala responden lain juga menyatakan bahawa tugas guru perlu dijalankan secara ikhlas dan amanah serta sentiasa kreatif serta inovatif dalam menjalankan tugas sebagai pendidik. Guru Cemerlang Pendidikan Islam perlu memotivasi diri mereka dan pelajar dalam membina modal insan negara yang berkualiti.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kecerdasan emosi dan sosial memainkan peranan penting dalam memperkasa kepimpinan guru cemerlang dalam membina modal insan yang cemerlang pada masa akan datang. Seseorang guru yang berupaya memahami dan mengurus emosi, sosial, fizikal dan persekitaran pelajar sekolah menengah terutamanya dapat mendidik remaja untuk mencapai kejayaan dalam prestasi akademik dan sahsiah pelajar. Bidang perguruan mempunyai perkaitan rapat dengan pengurusan dan pembangunan manusia. Maka kecerdasan emosi dan sosial guru perlu konsisten sebagai prasyarat kejayaannya dalam mengurus dan membangunkan manusia dalam mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Kecerdasan emosi amat penting dalam kalangan guru bagi memberi motivasi, mengelola, mengurus, mengaktifkan tingkah laku sama ada dalam komuniti dan tempat kerja. Dimensi kecerdasan emosi dan sosial yang rendah dalam kalangan guru boleh memberi impak yang mendalam kepada perkembangan kehidupan pelajar sekolah menengah, dalam komuniti dan tempat kerja juga akan terjejas.

Justeru, guru cemerlang pendidikan Islam perlu dibimbing dan diberi sokongan supaya pelajar sekolah menengah mempunyai kemahiran kecerdasan emosi dan sosial yang tinggi di mana mereka bakal menerajui modal insan berkualiti. Perhubungan mesra guru dan pelajar boleh membantu meningkatkan pemahaman terhadap kekuatan dan kelemahan diri sendiri, saling menghormati antara satu sama lain, mempunyai matlamat hidup positif dan pengawalan emosi secara positif boleh diajar kepada pelajar sekolah menengah. Manakala kepribadian guru, komunikasi berkesan dalam kalangan guru dan pelajar, kreativiti guru dan sentuhan emosi yang diamalkan oleh guru cemerlang pendidikan Islam dapat meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah dalam kalangan pelajar ke arah pembinaan modal insan berkualiti dan pekerja berkemahiran tinggi dimasa akan datang. Kajian ini juga mencadangkan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia dapat menjalankan lebih banyak latihan kepada guru pendidikan Islam dalam meningkatkan kecerdasan emosi dan sosial. Penumpuan kepada aspek ini bukan sahaja dapat melonjakkan prestasi akademik tetapi juga dapat mengurangkan gejala sosial dalam kalangan remaja di negara kita.

RUJUKAN

- Ambron, S,R. 1981. *Child Development*. New-York: Holt Rinehart and Winston.
- Boyatzis, R.E. 2008. A Twenty Year View of Trying to Develop Emotional, Social and Cognitive Intelligence Competencies in Graduate Management Education. *Journal of Management Development*, 27(1), 92-108.
- Boyatzis, R.E. & Oosten, E.V. 2003. Developing Leaders with Emotional Intelligence and The Emotionally Intelligent Organization, To appear in Roderick Millar (ed.). *International Executive Development Programmes*, 7th Edition. London: Kogan Page Publishers.
- Gardner, H. 1983. *Frames of mind. The theory of multiple intelligences*. New York: Basic
- Goleman, D. 1995. *Emotional Intelligence : Why It Can Matter More Than IQ*. New York: Bantam Books.
- Gould, S. J. 1994. *The Mismeasure of Man: Revised edition*. New York: W.W. Norton & Co.
- Mohd Azhar Abd. Hamid 2004. *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Morgan, C.T. & King, R. 1975. *An Introduction to psychology*. McGraw-Hill Kogakusha, Japan
- Singh Dalip. 2003. *Emotional Intelligence at Work: A Professional Guide*. New Delhi: Sage Publications. York : Bantam Book.
- Yunus bin Yusof. 2005. *Kecerdasan Emosi. Jurnal Akademik*. Jabatan Hal Ehwal Pelajar: 1-21.

Khadijah Alavi
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
43600 UKM, Bangi Selangor
Email: Khadijah@ukm.my